

# Habitat baharu punca proses mutasi

HAIWAN yang hidup dalam keadaan terasing daripada habitat asalnya dalam satu tempoh yang lama boleh bermutasi disebabkan pelbagai faktor.

**Pakar Ekologi Hidupan Liar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamed Zakaria Hussin** berkata, antara faktor yang mendorong berlakunya proses mutasi ialah persekitaran habitat baharu yang menjadi tempat tinggal haiwan tersebut.



**MOHAMED  
ZAKARIA**

“Haiwan memang boleh mengalami proses mutasi apabila ia terasing daripada habitat asal untuk satu tempoh yang terlalu lama.

“Apabila berada di tempat baharu, haiwan itu terpaksa mengadaptasi persekitaran tersebut untuk membolehkannya terus hidup.

“Keadaan itu akan mempengaruhi corak kehidupannya termasuklah diet, tumbesaran, perwatakan dan

bentuk fizikal,” katanya.

Dekan Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan UPM itu menambah, haiwan yang telah mengalami proses mutasi biasanya akan terus hidup dalam keadaan terasing selama beratus-ratus tahun sehingga menjadi satu spesies baharu yang dianggap sebagai endemik.

Tambah Mohamed Zakaria, spesies endemik banyak ditemui di kawasan yang jarang didekati oleh manusia seperti kepulauan, pergunungan dan hutan.

“Haiwan-haiwan endemik ini mengalami putaran kehidupan yang sudah berubah berbanding di habitat asalnya.

“Keadaan itu akan menyebabkan ia dianggap sebagai satu spesies baharu.

“Malah, ia mungkin hanya boleh ditemui di satu-satu tempat di dunia,” katanya.

Mohamed Zakaria mengulas kenyataan itu berikutan penemuan spesies buaya kerdil berwarna jingga di Gua Abanda, Gabon baru-baru ini.